

BANK ISLAM TERUS MENYOKONG PELANGGAN DALAM MENANGANI CABARAN AKIBAT COVID-19

Menerima baik langkah Bank Negara Malaysia dalam laksanakan penangguhan bayaran semula pembiayaan bagi isi rumah dan PKS

KUALA LUMPUR, Rabu, 25 Mac 2020: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menerima baik seruan kerajaan melalui Bank Negara Malaysia ("BNM") bagi langkah penangguhan bayaran semula pembiayaan isi rumah, Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") serta pelanggan korporat. Langkah ini akan membolehkan institusi perbankan menyokong ekonomi dengan lebih efektif dalam persekitaran semasa yang mencabar.

BNM hari ini mengumumkan beberapa langkah pengawalan dan penyeliaan dalam menyokong usaha yang dijalankan oleh institusi perbankan bagi membantu para pelanggan menangani impak wabak COVID-19. Langkah yang diperkenalkan akan membolehkan institusi perbankan memberi fokus ke arah menyokong perkembangan ekonomi negara dalam situasi yang tidak dijangka dan amat mencabar ini dengan memberi kelonggaran kepada institusi perbankan untuk bertindak pantas terhadap keperluan pelanggan mereka yang terjejas.

Sehubungan dengan itu, bermula 1 April 2020, Bank Islam secara automatik menawarkan penangguhan atau penggantungan semua bayaran semula pembiayaan selama 6 bulan bagi pelanggan individu dan PKS, serta menyediakan permohonan moratorium untuk pelanggan korporat. Kemudahan ini diberikan kepada pembiayaan yang mempunyai rekod pembiayaan baik; dalam denominasi Ringgit Malaysia serta bagi pelanggan yang serta tidak mempunyai tunggakan selama lebih daripada 90 hari setakat 1 April 2020. Bagi kemudahan kad kredit, Bank Islam akan menawarkan pilihan untuk menukar baki pembiayaan kepada pembiayaan berjangka selama 3 tahun dengan kadar keuntungan yang rendah bagi membantu pelanggan menguruskan pembiayaan mereka dengan lebih baik.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam mengalu-alukan dan menyokong penuh langkah Bank Negara Malaysia dalam melaksanakan bantuan kewangan ini. Langkah-langkah yang diperkenalkan ini bertepatan dengan keutamaan Bank Islam untuk memastikan kesejahteraan menyeluruh kepada warga kerja dan pelanggan kami. Langkah ini akan mengurangkan keperluan aliran tunai yang secara tidak langsung meningkatkan pendapatan boleh guna individu serta melonggarkan aliran tunai bebas PKS. Ia seterusnya dapat memastikan pekerjaan dapat dikekalkan dan kelangsungan aktiviti ekonomi dalam situasi yang tidak menentu ini dapat diteruskan.

Sebelum ini Bank Islam telah mengambil langkah proaktif terhadap keperluan para pelanggan dengan menawarkan penjadualan serta penstrukturan semula pembiayaan termasuk moratorium kepada para pelanggan dalam sektor-sektor terjejas teruk akibat wabak COVID-19 ini seperti penerbangan dan pelancongan.

Encik Mohd Muazzam menambah, "Ekoran pengumuman BNM awal hari ini, para pelanggan yang sebelum ini telah menerima Moratorium COVID-19 Bank Islam atau telah memohon untuk penjadualan mahupun penstrukturan semula pinjaman pembiayaan mereka boleh menarik balik permohonan tersebut sekiranya mereka mahu; dan memohon penangguhan sebagaimana yang diluluskan oleh BNM, dengan syarat mereka memenuhi kriteria yang telah ditetapkan."

"Bank Islam sedang membuat persediaan pelaksanaan bantuan kewangan ini dan akan membuat pengumuman lanjut mengenainya dalam masa terdekat. Kami akan membuat makluman butiran terkini mengenainya menerusi laman rasmi Bank Islam (www.bankislam.com) atau platform media sosial kami seperti Facebook dan Instagram," tambahnya lagi.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900 atau e-melkan kepada contactcenter@bankislam.com.my.

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com</p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
--	--